

BULETIN M.D.M

marudidc.sarawak.gov.my



ANUGERAH PERPUSTAKAAN AWAM PREMIER SARAWAK 2022

ANTARA YANG MENARIK:



PERPUSTAKAAN AWAM MARUDI
PERPUSTAKAAN TERBAIK MPH LG 2022



PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN MAJLIS DAERAH MARUDI
JOHAN KESELURUHAN MPH LG 2022



PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN MAJLIS DAERAH MARUDI
JOHAN KESELURUHAN MPH LG 2022

PERUTUSAN PENGERUSI MAJLIS DAERAH MARUDI

Salam Sejahtera

Saya ingin memanjatkan rasa Syukur kerana dengan izinNya, Buletin Majlis Daerah Marudi bagi tahun 2023 Edisi Pertama ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah secara langsung dan tidak langsung kepada seluruh warga Majlis Daerah Marudi di atas pencapaian yang diraih dan menjayakan program yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Marudi.

Harapan saya agar momentum sebegini dapat dikekalkan demi kecemerlangan perkhidmatan di Majlis Daerah Marudi demi kesejahteraan rakyat dan peningkatan taraf ekonomi negara pada masa hadapan.

Semoga kita bersua lagi di edisi yang akan datang.

KR. EDWARD MENDAI
PENGERUSI
MAJLIS DAERAH MARUDI



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Kr. Edward Mendai

PENGARANG

Semua Ketua Bahagian/Seksyen Majlis Daerah Marudi

PENASIHAT

Cik Michelle Hildalyne Jering Anthony Luta

WARTAWAN

Unit ICT, Majlis Daerah Marudi

KETUA EDITOR

Cik Nor Najiha Maulana Yusuff


MEDIA

Unit ICT, Majlis Daerah Marudi

VISI

PERSEKITARAN HIDUP LESTARI
UNTUK SEMUA

*"SUSTAINABLE LIVING
ENVIRONMENT FOR ALL."*



MISI

KAMI KOMITED UNTUK MENINGKATKAN KUALITI
HIDUP KOMUNITI MELALUI TADBIR URUS YANG BAIK

*"WE ARE COMMITTED TO IMPROVE THE QUALITY OF
LIFE OF OUR COMMUNITY THROUGH GOOD
GOVERNANCE."*



SLOGAN

"BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN"

"SERVING WITHOUT BORDERS"

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

ANUGERAH PERPUSTAKAAN AWAM PREMIER SARAWAK 2022



Majlis Daerah Marudi telah menerima dua (2) anugerah semasa Majlis Makan Malam "Sarawak Authors Gala Night 2022" dan Majlis Perasmian Festival Penulis Sarawak 2022 yang diadakan di Kuching pada 26 Oktober 2022. Perasmian Sarawak Authors Festival pada kali ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak Sarawak, yang mewakili Yang Amat Berhormat Premier Sarawak.

Majlis Daerah Marudi telah menerima dua (2) kategori Anugerah iaitu Anugerah Perpustakaan Awam Premier Sarawak 2022 iaitu:

1. ANUGERAH PERPUSTAKAAN SEBAGAI PUSAT KOMUNITI (RM10,000.00)

• PERPUSTAKAAN AWAM MARUDI

Anugerah ini ialah satu penghargaan kepada Perpustakaan yang menyediakan tempat atau ruang yang kondusif kepada komuniti.


2. ANUGERAH KHAS PANEL HAKIM (RM3,000.00)

• EN. SUPIAN BIN HISHAMUDIN (Pembantu Operasi N11/14, Perpustakaan Awam Long Lama

Anugerah ini dicadangkan oleh Panel Hakim untuk menghargai sikap dan kejayaan yang patut dihargai dan dikongsikan bersama supaya boleh dijadikan contoh dan penanda aras.

LAWATAN PEMANTAUAN KEBERKESANAN PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DI PBT MPH LG TAHUN 2022

Penarafan Bintang



Penarafan Bintang



PENGIKTIRAFAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MPH LG TAHUN 2022



Majlis Daerah Marudi telah menerima dua (2) pengiktirafan perkhidmatan perpustakaan Pihak Berkuasa Tempatan Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) 2022.

1. JOHAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN KESELURUHAN KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (MPHLG)

- PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN MAJLIS DAERAH MARUDI


2. PERPUSTAKAAN AWAM TERBAIK KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (MPHLG) TAHUN 2022

- PERPUSTAKAAN AWAM MARUDI

Anugerah yang diterima ini menjadi pemangkin peningkatan prestasi perkhidmatan perpustakaan oleh Majlis Daerah Marudi agar kekal relevan dalam pembangunan komuniti setempat di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Daerah Marudi.

PENILAIAN TAHAP PEMATUHAN PERATURAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN MELALUI ELECTRONIC COMPLIANCE SELF ASSESSMENT (eCSA) TAHUN 2022

Hasil daripada Laporan Unit Audit Dalam 2023 berdasarkan Kriteria dalam *Electronic Compliance Self Assessment (eCSA)* Pihak Berkuasa Tempatan. Validasi dijalankan terhadap 25 PBT dan Validasi bagi PBT merangkumi 10 komponen.



Secara keseluruhannya, Majlis Daerah Marudi berjaya meraih 98.4% bagi *Electronic Compliance Self Assessment (eCSA)* Pihak Berkuasa Tempatan untuk tahun 2022 daripada dua puluh lima (25) Pihak Berkuasa Tempatan.

Diharapkan agar pencapaian seperti ini dapat dikekalkan untuk masa mendatang dan menjadi pemangkin dalam pencapaian Majlis Daerah Marudi.

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



KEJOHANAN BOLA SEPAK ANJURAN KELAB SOKANJAYA JABATAN KERJA RAYA (JKR) MARUDI

Kelab Sukan dan Rekreasi Majlis Daerah Marudi (KESURA) telah mendapat tempat pertama dalam Kejohanan anjuran JKR Marudi yang telah berlangsung pada 12 Februari 2023 sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM300, piala dan medal dan penyampaian hadiah dilaksanakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek) Dato Gerawat Gala.



PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



LAWATAN SAMBIL BELAJAR OLEH MAJLIS DAERAH SUBIS

Majlis Daerah Marudi telah menerima rombongan lawatan daripada Majlis Daerah Subis pada 17 Februari 2023 yang diketuai oleh Puan Farrahsofya binti Mohd Sharbini, Setiausaha Majlis Daerah Subis bersama 17 orang kakitangan Majlis Daerah Subis.

Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari cara pengurusan penggunaan kaki lima, pengurusan caj papan tanda perniagaan dan perbincangan tentang kutipan sisa pepejal di kawasan Majlis Daerah Marudi dan Majlis Daerah Subis.



BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI

PROGRAM JUH NAMBAH ILMU SIRI 1 KERJASAMA DENGAN PUSTAKA MIRI : BENGKEL LITERASI PANDEI & READING SEEDS

Program ini dilaksanakan pada 06 Mac 2023 dan 07 Mac 2023 bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Benawa, Marudi dan Kampung Poyut, Marudi.

Matlamat program ini adalah mewujudkan sebuah masyarakat yang memberi kepentingan kepada literasi, budaya membaca yang membentuk kearah pembudayaan ilmu sepanjang hayat.



PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



SESI DIALOG BERSAMA PENJAJA KUIH MUIH, PASAR RAKYAT MARUDI

Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar Majlis Daerah Marudi telah mengadakan sesi dialog bersama penjaja kuih muih Pasar Rakyat Marudi pada 08 Mac 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Marudi yang dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar Encik Mohd Aliff Brasia bin Abdullah dan turut dihadiri oleh Kr. Huang Huat Ping.

Sesi dialog ini dijalankan adalah untuk menyarankan penjaja kuih-muih untuk mematuhi polisi baru iaitu menutup bekas jualan kuih-muih sepanjang masa untuk menjamin kebersihan dan kualiti makanan. Sesi dialog ini juga menekankan aspek kepentingan menutup bekas jualan kuih untuk mengelakkan kontaminasi akibat sentuhan mahupun debu agar kuih muih kekal dalam keadaan baik dan selamat untuk dimakan.

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



SESI DIALOG BERSAMA PENJAJA SAYUR, PASAR RAKYAT BELURU



Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar Majlis Daerah Marudi telah mengadakan sesi dialog bersama semua penjaja sayura-sayuran Pasar Rakyat Beluru, Bakong pada 08 Mac 2023 bertempat di Pasar Rakyat Beluru, Bakong dan turut dihadiri oleh Kr. Chundi bin Manan.

Sesi dialog ini dijalankan adalah untuk menerangkan dengan lebih lanjut mengenai polisi Majlis kepada penjaja-penjaja sayur.

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



KARNIVAL SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) ZON UTARA

Karnival Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Zon Utara telah diadakan di Limbang bermula 17 sehingga 19 Mac 2023. Terdapat tiga belas (13) acara sukan dipertandingkan. Karnival ini diadakan bagi merapatkan hubungan di antara PBT di zon utara sekaligus mencungkil bakat dalam sukan untuk diketengahkan bagi kejohanan yang lebih tinggi.

Kedudukan Karnival Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Zon Utara secara keseluruhan.

1. Majlis Daerah Lawas
2. Majlis Daerah Limbang
3. Majlis Daerah Subis
4. Majlis Daerah Marudi



BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



PROGRAM JUH SUNGKEI DI DATARAN MARUDI

Program Juh Sungkei anjuran Lembaga Amanah Kebajikan Melayu Baram telah diadakan pada 02 April 2023 bertempat di Dataran Marudi. Sekitar 200 orang masyarakat setempat termasuk komuniti bukan Islam berkumpul bersama untuk berbuka puasa menerusi program ini.

Program ini julung-julung kali diadakan dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk setempat. Datuk Dr Penguang Manggil dan isteri Datin Monica Ukong turut meluangkan masa beramah mesra bersama penduduk yang hadir.

Diharap agar program seperti ini akan diteruskan bagi memupuk semangat kekeluargaan antara masyarakat Islam dan yang bukan Islam.

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



OPERASI MENGANGKAT MEJA KAYU DI PASAR RAKYAT BELURU

Operasi ini dilaksanakan pada 14 April 2023 bertempat di Pasar Rakyat Beluru dan diketuai oleh Bahagian Penguatkuasa dengan kerjasama Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar, Majlis Daerah Marudi.


Notis amaran telah dikeluarkan kepada pemilik meja berkenaan bagi memindahkan meja kayu yang menghalang laluan pejalan kaki sebelum dilupuskan dalam masa dua (2) minggu.

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI

PD Long Bedian @ 6/1/2023: Ceria
Indah libraryKU –Mewarna Arnab



PA Beluru @ 22/2/2023: Program Inklusiviti Digital –Kuiz Kahoot Covid 19 &
Ultimate Tie Tae Toe 2




PERPUSTAKAAN RAKAN ILMU (JANUARI - JUN)



PA Lg Lama @ 12/4/2023: Jom! Baca @ Gaya
Hidup Sihat –Mari Membaca



PD Long Loyang @ 22/3/2023: Ceria Indah
LibraryKU –Mini Rose Bouquet



PD Beluru @ 29/5/2023: Program Inklusiviti
Digital – Ultimate Tie Tae Toe 2 & Treasure
Hunt



PD Long Kevok @ 12/5/2023: Program
Ceria Indah LibraryKu– Membuat Kad Hari
Ibu

Program Perpustakaan Rakan Ilmu merupakan tema program sepanjang tahun Perkhidmatan Perpustakaan dibawah bidang kuasa Majlis Daerah Marudi dengan dengan tiga (3) fokus utama iaitu:

- Jom! Baca @ Gaya Hidup Sihat
- Ceria Indah LibraryKu
- Program Inklusiviti Digital.

Program ini dilaksanakan sekurangngya sekali seminggu di setiap perpustakaan.

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



MINI KONVENSYEN ICC MAJLIS DAERAH MARUDI DAN HARI INTEGRITI TAHUN 2023

Mini Konvensyen ICC Majlis Daerah Marudi dan Hari Integriti Tahun 2023 telah diadakan pada 18 Mei 2023. Mini konvensyen ini dilaksanakan bagi mengenalpasti, memilih, menganalisis masalah yang berkaitan dengan kerja dan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada pihak pengurusan untuk pertimbangan dan keputusan pihak pengurusan serta melaksanakan keputusan tersebut setelah dipersetujui.

Keputusan rasmi Mini Konvensyen ICC Tahun 2023:

- Johan : Enforce Aff (Team Enforcement)
- Naib Johan : RV7 (Team Rating & Valuation)
- Tempat Ketiga : K & PB team (Unit Perkhidmatan Bandar)

Johan bagi Mini Konvensyen ICC Tahun 2023 sekaligus mewakili Majlis Daerah Marudi di dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (ICC) anjuran Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Sarawak.

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



MINI KONVENSYEN ICC MAJLIS DAERAH MARUDI DAN HARI INTEGRITI TAHUN 2023



Disamping penganjuran Mini Konvensyen ICC, diselitkan sekali program Hari Integriti Majlis Daerah Marudi Tahun 2023. Sambutan Hari Integriti Nasional diraikan setiap tahun sebagai inisiatif berterusan untuk membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan setiap lapisan anggota masyarakat.

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



PROGRAM KERJASAMA PINTAR DENGAN JABATAN KEMAS, MARUDI [PROGRAM LITERASI OUTDOOR SIRI 1: LAWATAN PESERTA PLF HAKIKI KEPERPUSTAKAAN AWAM MARUDI]

Program ini adalah dengan kerjasama pintar dengan Jabatan KEMAS, Marudi yang diadakan pada 22 Mei 2023 bertempat di Perpustakaan Awam, Marudi. Turut dihadiri oleh Pegawai KEMAS Marudi, Puan Hafizahliha binti Drahman.

Penglibatan Perpustakaan Marudi adalah melalui Program Jangkauan Ilmu Melalui Inklusiviti Digital merupakan program untuk memperkenalkan peranan dan perkhidmatan yang disediakan di DCC melalui Program PANDei dan menambah ilmu Digital kepada peserta PLF Hakiki secara santai dalam pengajaran asas 3M, Kuiz Uji Minda dan Art & Craft : Mewarna bertemakan Perayaan Gawai.

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (BEE)



Program ini adalah dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Sarawak, Natural Resources And Environment Board Sarawak (NREB) dan Jabatan Alam Sekitar yang diadakan pada 24 Jun 2023 dan 25 Jun 2023 bertempat di Waterfront Marudi.

Objektif utama kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti setempat mengenai bahaya e-waste kepada alam sekitar dan memastikan e-waste yang terkumpul dapat dikitar semula atau dilupuskan secara selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar.

BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN

PROGRAM / AKTIVITI MAJLIS DAERAH MARUDI



PROGRAM KERJASAMA PUSTAKA-AZAM : PROGRAM KETERANGKUMAN DIGITAL



Program ini adalah dengan kerjasama Pustaka-AZAM yang diadakan pada 24 Jun 2023 dan 26 Jun 2023 bertempat di DCC Long Lama, Perpustakaan Long Lama. Turut dihadiri oleh En. Lloyd Huffman Miko, Pustakawan Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak & En. Suhaili Ahli Lembaga Pengarah AZAM.



Program "Hands-on" yang berfokus kepada topik perniagaan online, penggunaan Sarawak Online Portal, Pendaftaran Sarawak ID, SPay Global dan "content" digital atau media sosial termasuk mempromosi tarikan pelancongan tempatan.



MAJLIS DAERAH MARUDI
LOT 577, JALAN PENGHULU
TAMA TINGGANG MALANG,
PETI SURAT 374,
98058 BARAM, SARAWAK.

Tel: 085-755755 FAKS: 085-755336
marudidc@sarawak.gov.my



BERKHIDMAT TANPA SEMPADAN